

21/06/2003

PutraMelayu: Memperkasakan dasar Dr M

Kamal Ahmad

DALAM ucapan dasarnya pada Perhimpunan Agung Umno kelmarin yang ditegaskan

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah buat kali terakhir, Presiden Umno menyerahkan kepada rakyat dan sejarah untuk menghukum serta menilai baik buruk perkhidmatannya dalam merealisasikan segala idea bagi memulih maruah

serta memajukan bangsa dan negara sepanjang 22 tahun memimpin parti dan kerajaan.

Beliau sebagai antara 'tongkat sakti' akan terlepas daripada tangan orang Melayu. Namun, apa yang lebih penting bagi barisan kepemimpinan dan

ahli Umno, orang Melayu serta seluruh rakyat Malaysia ialah menghayati amanat Dr Mahathir dan menterjemahkannya kepada amalan dan tindakan.

Sebagaimana dirumuskan oleh bekas Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mustapha Jabbar, terlalu banyak yang terbaik dilakukan oleh Dr Mahathir kepada rakyat dan negara hingga menyulitkan sesiapa saja memikirkan apakah

yang terbaik perlu diberi kepada beliau sebagai tanda penghormatan dan penghargaan.

"Biasanya, ia (penghargaan) akan datang apabila sesuatu masalah dihadapi oleh pemerintah atau apabila kita ada masalah dengan semangat kebangsaan (nasionalisme).

"Namun, selepas ini, tempat terbaik untuk Dr Mahathir ialah melantik beliau sebagai Penasihat Negara yang mencakupi semua perkara - baik ekonomi, politik dan dasar.

"Kepada pemimpin baru dan yang bakal mengambil alih kuasa daripada beliau, dampingi dan contohi kepemimpinan, sikap dan pendirian Dr Mahathir. Saya yakin beliau akan membantu kita. Kunci utama kekuatan kita

ialah dengan merapatkan barisan kepemimpinan dan rakyat.

"Memandangkan Dr Mahathir turut dikagumi pemimpin luar dan masyarakat antarabangsa, maka kita yang menjadi maju, negara aman dan hidup makmur dalam masyarakat majmuk ketika bernaung di bawah kepemimpinannya harus lebih menghargai jasa beliau," katanya.

Apa harus dilakukan oleh Umno apabila Dr Mahathir melangkah turun dari persada politik dan kerajaan? Ini sangat penting dilaksanakan.

Tiada lapangan terbang dinamakan sempena nama Dr Mahathir. Begitu juga tiada sekolah, jambatan atau apa saja mercu tanda. Dr Mahathir pun tidak mahu semua itu.

Justeru, selain terus memberikan tempat paling kanan dalam kerajaan, langkah terbaik lain ialah memajukan pusat pembangunan idea, pemikiran, sikap dan kepemimpinan Dr Mahathir. Dengan cara itu, beliau akan sentiasa

bersama kita.

Mungkin pusat itu atas nama PutraMelayu (Pusat Kajian Tindakan, Rancangan, Amalan dan Pemikiran Dr Mahathir Untuk Melayu). Ia pusat pembangunan dan penyelidikan (R&D) yang membabitkan soal sikap,

kepentingan dan survival Melayu; kajian aliran politik domestik, serantau dan dunia; penyesuaian dan penyuburan Umno kontemporari; pengukuhan strategik Melayu; pelan sosio-ekonomi Melayu; serta pembangunan politik dan kepemimpinan Umno.

Sebagai pusat R&D, PutraMelayu pasti mampu membantu kepemimpinan Umno memperkasa, mengembang dan mencemerlangkan lagi semua dasar terbaik peninggalan Dr Mahathir. Lebih utama, ia mampu menghasilkan gugusan buah yang manis untuk dinikmati orang Melayu akan datang.

Hasil R&D PutraMelayu juga harus disalurkan ke dalam jentera kerajaan untuk diserapkan dalam dasar, termasuk berkaitan hubungan diplomatik.

PutraMelayu harus berdiri sebagai pemegang kepentingan Umno dengan sokongan institusi pengajian tinggi tempatan, korporat, teknokrat dan cendekiawan Melayu terhadap tenaga yang menggerakkan operasinya.

Aktivis masyarakat, Tan Sri Lee Lam Thye, menyarankan sebaik-baik tanda penghargaan rakyat kepada Dr Mahathir ialah dengan merealisasikan harapan dan nasihat beliau, khususnya Wawasan 2020 yang mencakupi kaedah menjadi negara maju.

Selain itu, Perdana Menteri sering mengingatkan kita supaya memperkukuhkan lagi perpaduan masyarakat majmuk kerana itulah kunci kemajuan dan kemakmuran Malaysia selama ini.

Berhubung fokus Perhimpunan Agung Umno kali ini, Dr Mahathir melahirkan

satu set kebimbangan, termasuk kemungkinan parti itu berpecah semula menjelang pemilihan dalam kepemimpinan tertinggi parti tahun depan.

Justeru, apakah kelompok kepemimpinan tertinggi Umno mampu bertanding dengan penuh etika dan tatasusila selepas Dr Mahathir tiada di kerusi Presiden?

Bukanlah rahsia bahawa ramai pemimpin - apabila di depan perwakilan dan penyokong - membidas pengamal politik wang, rasuah, memfitnah lawan, adu domba, salah guna kuasa serta melancarkan gerakan merebut kuasa tetapi di luar dewan, merekalah pelaku jenayah itu.

Sikap sama juga berlaku di kalangan perwakilan yang berdegar-degar membidas politik wang dan habuan politik lain, tetapi mereka sebenarnya kenyang membaham habuan semua calon bertanding.

Sesiapapun yang bertanding dan corak pertandingan bagi peringkat pucuk kepemimpinan Umno tetap memberi kesan besar kepada parti. Kesan kepada parti pula mempengaruhi keputusan pilihan raya umum yang akan dilakukan selepas atau sebelum pemilihan pucuk kepemimpinan parti, tahun depan.

Jika kita masih insaf bahawa kekalahan dalam pilihan raya tidak akan lagi memberi erti kepada Umno, maka susun saf kepemimpinan dengan penuh tatasusila.

Sesungguhnya, bukan setahun dua ini Dr Mahathir menasihatkan kepemimpinan dan ahli Umno serta orang Melayu mengenai pelbagai sikap buruk mereka.

Jika dikaji dalam ucapan merasmikan perhimpunan Pergerakan Pemuda Umno ketika menjadi Timbalan Presiden sebelum 1981 dan apabila menjadi Presiden, beliau awal-awal lagi membangkitkan isu pelbagai masalah yang akan dihadapi seperti rasuah politik, ancaman dan kesan perpecahan sesama

mereka; jangan bergantung kepada orang lain; ancaman serantau, penjajahan minda dan ekonomi sebagai senjata baru kolonialis Barat; pentingnya penguasaan ilmu, kemahiran dan kepakaran dalam semua bidang; menjadi umat Islam yang sederhana dan dihormati; menjadi warga negara yang toleransi dan bersatu; serta kemunculan gerakan kelompok ekstrem dalam agama dan kaum.

Di samping sikap buruk lama, orang Melayu menghidap pelbagai penyakit baru yang sangat kritikal serta sudah merebak hingga akar umbi masyarakat.

Contohnya, gejala tidak mahu berterima kasih dan bersyukur; berpolitik kerana mahu mengumpul kekayaan; hakisan jati diri; kepupusan semangat kebangsaan; sentiasa mahu kerja mudah dan mengambil jalan singkat mencapai matlamat seperti mengeluarkan caruman KWSP untuk membeli bil membeli komputer dan menjual tender dengan keuntungan kecil; bergelumang dadah, maksiat dan hedonisme; serta taksu dengan ideologi dan pendapat satu hala.

Perhimpunan kali ini diharap mampu menampilkan komitmen, ikrar dan jaminan bahawa saf kepemimpinan baru mampu meneruskan kegemilangan, kecemerlangan, kesepaduan dan pembangunan untuk orang Melayu serta rakyat seluruhnya.